

# Kaunseling

## Pastoral & Psikologi



**WAWASAN  
PENABUR**

## Kaunseling Pastoral & Psikologi

Tajuk	: Kaunseling Pastoral & Psikologi
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd


Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

## Kaunseling Pastoral & Psikologi

Intergrasi Iman Alkitabiah dengan Sains Psikologi



**B**uku kecil ini mempunyai dua objektif:

1. Menjelaskan apa yang diajar dan tidak diajar oleh psikologi;
2. Menjelaskan apa iman kepada Allah Pencipta mendorong kita untuk percaya atau menolak tentang sifat manusia.

Sebuah persoalan untuk dipertimbangkan:

*Mengapa kita harus memahami psikologi kalau sudah ada keperluan untuk kaunseling pastoral? Ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa doa dan Alkitab sudah memadai untuk mengubah manusia.*

## Beberapa Konflik di Antara Iman dan Psikologi

**P**ara kaunselor pastoral hari ini, terutamanya mereka yang berbahasa Inggeris harus mempertimbangkan perkara ini kerana psikologi telah mempengaruhi hidup kita, sama ada secara langsung (melalui pendidikan) ataupun tidak langsung (media massa). Masih jelas di ingatan saya akan pertelingkahan di antara dua adik-beradik saya. B.Y. yang berpendidikan bahasa Cina menegur B.I. yang berpendidikan Inggeris (dia mendapat sarjana muda Kaunseling di Australia di tahun 1960-an) kerana cuba “merasionalkan” tingkah lakunya. Ramai di antara kita terpengaruh dengan psikologi Barat, sama ada untuk kebaikan atau sebaliknya.

Cuba pertimbangkan soalan-soalan berikut:

1. Siapakah yang merumuskan sistem pendidikan di Malaysia sebelum Merdeka (yang sebelum ini adalah bekas koloni British)? Siapakah yang merancang sistem latihan bagi para pengajar?
2. Buku manakah (karya asli ataupun terjemahan) yang kita sering baca dan siapakah penulisnya?
3. Adakah kita mempunyai rasa hormat kepada para pengikutbah Asia sama seperti mereka yang datang dari Barat, walaupun kesemua mereka taat mengajar Firman Tuhan?
4. Berapa ramai di antara kita yang dimentorkan oleh para penginejil dan missionari yang datang daripada budaya dan pandangan hidup yang berbeza daripada kita? Adakah mereka dipengaruhi oleh psikologi sekular?

Saya bersyukur kerana Tuhan telah menggunakan para penginejil dan misionari dari Barat untuk membawa Injil kepada kita. Persoalannya ialah sejauh manakah kita telah dipengaruhi dengan psikologi “Barat.” Kita juga akan membincangkan sains psikologi dari sudut pandangan Alkitab dan sekular untuk menentukan sama ada ia adalah kajian tentang minda yang bersifat neutral atau praduga.

Anda mungkin bertanya:

*“Tidakkah kita, orang Asia membesar dan matang seperti kanak-kanak lain juga, walaupun pra-andaian kita berbeza?”*

Memang benar. Semua masyarakat memahami tingkahlaku, corak fikiran dan perasaan manusia dari pandangan yang berbeza. Mereka juga berusaha untuk mengubah kelakuan yang tidak disenangi dengan cara yang tersendiri. Namun begitu, sebagai umat Allah kita harus mengikuti pandangan-Nya. Kita boleh berbuat demikian dengan mengikuti pengetahuan umum yang diturunkan oleh para guru kita.

Psikologi sangat bermanfaat sekiranya ia diambil dalam konteks kejuruteraan, perubatan, seni dan kesusasteraan. Masalah hanya akan timbul apabila kita menganggapnya lebih tinggi daripada Firman Tuhan, ataupun menganggap ia bercanggah dengan Alkitab dan adalah hasil kerja si Jahat. Psikologi menjadi popular sewaktu Zaman Kesedaran di Barat (kurun ke 17-19). Ia adalah satu kaedah untuk memahami manusia. Ia berfungsi berdasarkan konkrit realiti dan bukan abstrak kerohanian. Sekiranya ia mampu membantu kita untuk hidup taat

## 4 Siri Kaunseling Pastoral

kepada Kristus, tidak seharusnya ia ditolak begitu saja. Bayangkan ia sebagai ubat bagi penyakit yang khusus. Sekiranya ada sebahagian yang tidak membantu, kita boleh menolaknya daripada membantutkan tumbesaran kita di dalam Kristus.

Memang terjadi konflik di antara ahli psikologi dan pengajar Firman Tuhan. Ia dapat dielakkan sekiranya kedua-dua pihak mengambil masa untuk memahami bidang pihak yang lain. Kebanyakan ahli psikologi sekular tidak mengendahkan kerohanian kerana bidang mereka berasaskan kemanusiaan. Sekiranya kita berpegang kepada kenyataan hanya yang kuat akan hidup, ini bermakna manusia harus bergantung kepada kebolehan dan kemampuan diri sendiri untuk hidup. Semuanya terpulang kepada kebolehan dan kekurangan diri sendiri, malah semua jawapan ada di dalam diri sendiri. Kita akan gagal untuk melihat bahawa kenyataan evolusi ini tidak mengambil kira akan kerohanian manusia.

Sering dikatakan bahawa, *“Jika hidupku berjaya, aku hidup untuk diriku sendiri; jika tidak, aku bertanggungjawab akan kejatuhanku.”* Bagaimanapun, gambarannya pasti berubah sekiranya ada Seseorang yang datang untuk menemukan orang yang angkuh itu di dalam penjara pembohongan hasil ciptaan diri sendiri dan membuat dia bertanggungjawab atas hidupnya sendiri.

Ada segelintir pastor di negara Barat yang terayun daripada mengajar Kristus sebagai penebus dosa dan pemulih gambaran kita di dalam Kristus kepada teori, kaedah dan teknik psikologi kemanusiaan untuk menjawab

masalah pendengar-pendengar mereka. Saya percaya corak sebegini terjadi secara tidak sengaja.

Menurut penilaian Dr John White, ada satu detik dalam sejarah gereja Barat di mana para pastor yang kurang mengalami pengalaman akan kuasa Tuhan lantas menyukarkan mereka untuk memberikan harapan bagi perubahan di dalam kehidupan para jemaah.<sup>1</sup> Idea-idea psikologi kemanusiaan yang bertopengkan istilah-istilah Kristian terbukti lebih berbahaya jika dibandingkan dengan pegangan kemanusiaan sekular. Yang menyedihkan lagi, para pemimpin gereja yang seharusnya terlatih di dalam kaunseling Kristian mempengaruhi ahli-ahli gereja dengan pandangan-pandangan tentang manusia yang tidak alkitabiah sehinggakan kebenaran Allah terpesong. Sekiranya prinsip-prinsip sekular dilabelkan sebagai tidak alkitabiah, kita lebih bersedia untuk menghindari mereka.

Kebanyakan negara yang dahulunya adalah Kristian kini kian menuju kepada kejatuhan moral. Kita orang Asia juga harus berhati-hati kerana ideal-ideal kemanusiaan kini telah menjangkau kita dengan bentuk seminar bina diri dan buku-buku bertajuk indah menjanjikan pertumbuhan rohani. Ramai penceramah Kristian yang terkenal dan dinamik mendorong kita untuk mengikuti ajaran mereka dengan membuta tuli.

Apa yang kita cari di dalam kaunseling pastoral? Adakah tujuan kita adalah untuk membantu mereka yang meminta nasihat memperbaiki diri melalui penyedaran diri (yang akan membawa kepada gejala 'Aku Dahulu'), sama ada ia dipanggil monosima, New Age, gerakan Mistik dari Timur

ataupun peningkatan keyakinan diri? Atau pun kita memimpin mereka untuk bertumbuh menyerupai Kristus? Kristus tidak meminta kita untuk memperbaiki diri tetapi untuk mati kepada diri (keinginan daging) dan hidup hanya untuk Tuhan dan kehendak-Nya sahaja. Petrus mengingatkan kita bahawa Yesus, manusia yang sempurna itu, tidak mementingkan diri, tidak memberi alasan dan tidak membalas dendam (1 Petrus 2:21-25).

Tetapi ini bukan bermaksud Firman Tuhan membantah kajian saintifik. Yesus menunjukkan satu pemahaman fikiran, emosi dan keinginan yang mendalam terhadap wanita Samarita di tepi perigi itu. Dia menggunakan prinsip asas psikologi alkitabiah untuk menjangkau batasan budaya, sosial dan jantina. Yesus juga memahami keperluan Petrus bagi jaminan dengan menjangkau tangannya sebelum menegur dia kerana memiliki iman yang goyah (Matius 14:25-31).

A. W. Tozer mendapati:

*“Dilema rohani-sekular tidak ada tapaknya di Perjanjian Baru. Pemahaman Kristian yang lebih mendalam akan menyelamatkan kita daripada terjebak di dalamnya. Yesus adalah teladan terbaik kita, hidup-Nya tidak terbahagi kepada dua. Allah menerima persembahan hidup-Nya dan Dia tidak membeza-bezakan tindakan-Nya. “Aku sentiasa melakukan apa yang menyenangkan hati-Nya.” (Yohanes 8:29) Kenyataan tersebut merupakan rumusan hidup Yesus kepada Bapa di Syurga.*

*Kita dipanggil untuk memegang satu iman yang agresif. Kita harus mempersembahkan semua tindakan*



*dan tingkah laku kita kepada Tuhan dan mempercayai bahawa Dia akan menerimanya. Percayalah bahawa Allah beserta kita di dalam setiap tindakan kita. Belajarlah untuk mencari-Nya di sana!”<sup>2</sup>*

## Kepercayaan Kristian Dan Kajian Psikologi Sekular Melihat Manusia Daripada Sudut Pandangan Yang Berbeza

**M**anusia dicipta menyerupai gambaran Allah Pencipta supaya kita memiliki hubungan anak-Bapa dan dapat bersekutu dengan-Nya. Manusia mempunyai tubuh, jiwa dan roh. Tujuan hidup kita adalah untuk menjadi ahli keluarga Tuhan di dalam hadirat, kebenaran dan kasih kurnia-Nya. Orang-orang di sekeliling kita adalah sanak saudara di dalam kasih Tuhan.

Bagaimanapun, psikologi kemanusiaan dan sekular memandang manusia sebagai hasil daripada rangkaian evolusi. Ahli psikologi berpendapat sekiranya manusia mampu memperbanyakkan ciptaan dan kajian-kajian, hidup akan menjadi lebih baik lantas menjadikan “individualisma” sebagai satu gaya hidup.

Kepercayaan “Individualisma” kian mempengaruhi kita. Apa yang perlu kita lakukan ialah mengasingkan yang baik daripada yang buruk, sama seperti mengasingkan bendasing daripada sarang-sarang burung walet di gua-gua di Sabah dan Sarawak. Kita harus memahami perbezaan-perbezaan asas di antara kepercayaan Kristian dan psikologi sekular untuk kita mengetahui aspek yang boleh diterima dan yang harus dielakkan. Kejahilan

hanya membawa kepada idea-idea yang salah; idea yang salah pula akan membawa kepada syak-wasangka dan kebencian, bahkan di kalangan rakan-rakan seiman. Psikologi alkitabiah dan teologi yang betul tidak mampu menyelamatkan kita, hanya Domba Allah sahaja yang mampu melakukannya.

Di dalam 2 Korintus 3:18, Paulus berkata tentang kita memandang kepada Yesus dan diubahkan menyerupai Dia sedikit demi sedikit. John White menggunakan analogi tersebut mengibaratkan manusia seperti cermin yang telah retak.<sup>3</sup> Cermin memantulkan imej yang ada di hadapannya, manakala cermin yang retak menayangkan imej yang rosak. Aspek-aspek tertentu akan terpingang kerana retakan yang ada. Oleh itu, sains psikologi (pewahyuan umum) dan iman alkitabiah (pewahyuan khusus) masing-masing akan menayangkan beberapa aspek Allah Yang Benar. Gambaran-Nya yang sempurna hanya dapat dilihat di dalam Tuhan Yesus Kristus.

### Perangkap-Perangkap Berbahaya

**T**erdapat dua jenis pandangan ekstrim terhadap psikologi:

**1** *Kita sering menganggap kenyataan-kenyataan psikologi sebagai piawai yang mutlak meskipun pencipta asalnya tidak berpendapat sedemikian.*

Orang Kristian sering menggayakan idea psikologi sekular dengan istilah Kristian dengan tujuan hendak menarik masyarakat moden untuk menghadiri gereja.

Perkara ini dibincangkan dengan teliti oleh John White dan Malcolm Jeeves di dalam buku mereka.<sup>4</sup>

Sebagai contoh, orang Asia telah membawa masuk corak fikiran rakan-rakan kita dari Barat berkenaan perkahwinan di mana perkahwinan dikatakan adalah milik suami isteri, dan anak-anak tidak mempunyai hak untuk ikut campur. Orang Barat banyak dipengaruhi oleh idea-idea Zaman Kesedaran yang tidak alkitabiah ini. Oleh kerana pengaruh idea evolusi popular ahli sains seperti Darwin, semua orang terdorong untuk berusaha bagi keamanan diri sendiri. Disebabkan itulah, apabila satu pasangan berasa tidak puas di dalam hubungan (contohnya dari segi seks atau kerjaya), masing-masing mempunyai hak untuk keluar daripada hubungan tersebut. Proses perceraian kemudian dilihat sebagai demi kebaikan masing-masing dan semua orang. Namun dalam hal sedemikian, kanak-kanak sering dilupakan. Mereka juga terpaksa berusaha untuk terus hidup. (Saya harus menekankan di sini bahawa teori evolusi juga mungkin sudah disalah tafsir!)

Prinsip “Aku Dahulu” sebagai implikasi sains kelakuan manusia sekular, termasuklah sains psikologi, bukanlah sesuatu yang baru. Ia berasal daripada kejatuhan Adam dan Hawa di Taman Eden, semuanya semata-mata untuk memperkembangkan kemampuan diri. Jangkitan dosa dan kesannya dengan keras menyusuk masyarakat kita hari ini.

Di tahun 80-an sewaktu di peringkat awal perkahwinan kami, saya dan suami saya kembali ke Malaysia untuk

melayani Tuhan Yesus. Apabila saya melihat kejatuhan manusia lebih ketara di dalam perkahwinan, termasuk rumah tangga kami, pandangan saya terhadap keutamaan perkahwinan berubah. Asalnya saya beranggapan ia adalah hubungan suami-isteri, melebihi hubungan antara ibubapa dan anak-anak (masih ramai orang Kristian berpendidikan Inggeris yang masih berpegang kepada kenyataan ini). Ternyata ini tidaklah benar. Saya menemukan kebenaran ini bukan daripada perubahan budaya (walaupun ia telah menjadi pendorong di dalam kajian Alkitab saya), tetapi melalui pembacaan semula Alkitab dan bahan bacaan relevan yang lain sambil menunggu Tuhan menyampaikan penjelasan-Nya.

Sebagai contoh, sekiranya Yusuf dan Maria menganggap keamanan diri lebih penting, Yesus tidak mungkin akan diserahkan ke dalam jagaan mereka. Mereka menjaga Anak Allah, yang boleh dianggap sebagai anak angkat, dengan satu risiko yang besar bagi reputasi dan hubungan mereka. Mereka memulakan rumah tangga dengan syak wasangka semua orang terhadap kesetiaan si pengantin wanita dan juga kesahihan anak sulung mereka (Matius 1:18-25).

Adalah sangat membimbangkan apabila para pemimpin Kristian merasionalkan iman semata-mata untuk mengikuti hati nurani yang jelas namun pincang moralnya. Ada yang mengambil jurusan psikologi kerana ia sungguh menjanjikan, semuanya kerana mereka merasa tidak mampu memberikan bantuan

kepada jemaah mereka di gereja. Sekiranya batasan sains tidak mereka kenal, bahawa sains psikologi semata-mata tidak mampu mengubah seorang insan, maka panggilan asal sebagai gambala kepada domba-domba Tuhan mungkin akan mereka tinggalkan. Disebabkan itulah pusat bagi wibawa teratas (Firman Tuhan) di gereja-gereja Barat sudah tertukar. Kita di Asia juga tidak terlepas daripada pengaruh ini. Faktor terbesar adalah pandangan umum yang menganggap khutbah dan seminar dari Barat adalah lebih baik. Kita cenderung melompat masuk ke dalam gerabak milik orang luar. Kem-kem rohani juga kian berbunga dengan istilah-istilah psikologi. (Saya akui di sini bahawa mereka di “Barat” merangkumi ramai orang dengan pelbagai latar belakang budaya dan kecenderungan rohani.)

Sewaktu menetap di negara di mana pra-andaian kemanusiaan telah berakar, saya terdedah dan menjadi lebih celik kepada kaedah yang digunakan oleh para kaunselor. Sewaktu berada di Melbourne di tahun 70-an, saya berjumpa dengan seorang balu Yahudi yang sudah berumur. Dia sedang mengikuti sebuah kumpulan rohani untuk menemukan diri. Sejenak sebelum berangkat dari rumahnya, seorang lelaki pertengahan tahun dengan mata yang bersinar-sinar datang mengunjungi dia. Dengan suara yang teruja dia menceritakan bagaimana dia sangat gembira kerana mengikuti salah satu sesi kumpulan tersebut. Ada satu ketika mereka diarahkan untuk menutup lampu kemudian menyentuh satu sama lain di dalam gelap. Pengalaman untuk menemukan perasaan-perasaan manusia yang sedemikian sungguh menyemangatkan

bagi mereka! Saya mendengar dengan teliti namun si tuan rumah segera menukar topik perbualan kerana saya baru sahaja mengongsikan perihal Tuhan kepada dia. Beberapa detik selepas itu saya meninggalkan mereka. Saya tidak pernah berkunjung ke rumahnya selepas itu walaupun saya ingin kongsi Injil dengannya lebih lanjut. Penglibatannya dengan kumpulan sedemikian membuatkan saya kurang selesa.

Beberapa tahun yang lepas, ketika di dalam penerbangan kembali dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur, seorang lelaki berbangsa Belanda yang duduk di sebelah suami saya mendapati dia sedang membaca buku Roma dengan bantuan sebuah komentari. Lelaki itu berkata, *“Kalau di negara saya, kamu tak boleh baca Alkitab di khalayak umum. Mereka pasti ketawakan kamu!”* Pasti dia sangat gembira kerana boleh membaca buku dalam terjemahan Belanda tulisan Martyn Lloyd Jones yang bertajuk *Preaching and Preachers*, sewaktu di dalam penerbangan udara Malaysia. Peristiwa tersebut mengingatkan saya bahawa proses peradaban dunia yang tidak pernah berhenti ini tidak semestinya bertujuan untuk membawa kebaikan dan pembaharuan hidup, baik di Timur mahupun di Barat. Kebebasan di dalam Kristus adalah pembaharuan yang sebenar.



*Kita cenderung melihat kenyataan psikologi sebagai pesaing kepada kebenaran Alkitabiah dan bukan penyokong kepadanya.*

Ada setengah orang Kristian yang menentang sains psikologi, termasuklah kebbaikannya. Cuba pertimbang-

kan kenyataan psikologi ini: *“Ibubapa harus mendengar-anak-anak supaya mereka merasa dihargai oleh orang yang signifikan dalam hidup mereka.”*

Orang tua Cina yang tradisional mungkin berkata, *“Tidak! Kalau kita berbuat demikian, mereka akan berfikir kita bersifat lembut, pasti tidak akan mendengar nanti. Alkitab berkata anak-anak harus patuh kepada ibubapa.”*

Jika begitu keadaannya, mereka pasti tidak memahami kenyataan psikologi tadi atau ajaran Alkitab mengenai ketaatan anak-anak kepada orang tua mereka. Keputusan tersebut adalah hasil daripada pengalaman kekeluargaan dan temu ramah di antara ibu bapa dan anak-anak mereka. Untuk menyokong bantahan tadi, ibu bapa sering menggunakan Efesus 6:1-4. Petikan tersebut mengajar tentang ketaatan dua hala, berpandukan peringkat-peringkat kuasa yang didirikan oleh komuniti Allah. Ia bukan bermaksud untuk mendorong ibu bapa cuba memaksa anak-anak tunduk kepada orang tua ataupun melupakan dan tidak memperdulikan pendirian anak-anak mereka. Efesus 5:21 langsung sudah tidak diendahkan.

Prasangka peribadi dan kemegahan budaya mendahului isu untuk membantu kanak-kanak merasa difahami dan dihargai. Ibu bapa Asia yang beragama Kristian sering berkelakuan sedemikian.

Oleh itu, kita harus mencapai pandangan bijak dan amalan Alkitabiah yang seimbang. Kita tidak seharusnya menentang sains psikologi mahupun

memberikannya kewibawaan yang tidak berpatutan. Kita harus memilih kebaikan yang ditawarkan dan menggunakannya sebaik mungkin.

### Definisi Psikologi

**S**ains adalah sebuah ilmu pengetahuan sistematik yang dirumuskan daripada pemerhatian, kajian dan uji kaji. Proses-proses tersebut dilakukan ke atas bahan kajian untuk mengenalpasti sifat-sifat dan perincian bahan tersebut. Daripada hasil data yang dikumpulkan, sebuah hipotesis (sains matematik) akan dibentuk. Sekiranya ulangan semula bagi kajian tersebut membuahkan hasil yang sama beberapa kali, hipotesis tadi akan menjadi sebuah teori. Sekiranya teori tersebut diterima ramai, ia akan menjadi sebuah prinsip.<sup>5</sup>

Psikologi merupakan sebuah cabang sains khusus untuk mengkaji proses minda dan emosi manusia. Ia terdiri daripada variasi pandangan dan model. Kaedah, prinsip, hipotesis dan teori yang ada di dalam psikologi masih melalui banyak pembaharuan kerana usaha manusia untuk mempelajari semuanya masih kekal fana. Sains amat bermanfaat jika digunakan untuk masalah-masalah yang bersesuaian. Namun demikian, John White menegaskan bahawa sains amat terhad kepada skop-skop tertentu. Ia tidak mampu membawa keamanan kepada dunia sejagat, menghapuskan kematian mahupun membawa kita untuk mengenali Tuhan. Tambahan lagi, *“walaupun pengaplikasian sains membawa kebaikan dari segi penghasilan barang-barang dan pada masa yang sama*



*menaik taraf kadar kualiti perkhidmatan, ia tidak mampu untuk memastikan semua orang menerima kebaikan tersebut dengan sama rata.”<sup>6</sup>*

Tambahan lagi, corak fikiran kita dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan minat kita. Contohnya, sekiranya kita berlatar belakangkan pendidikan biologi, minat kita pasti cenderung kepada proses kimia dan fizikal yang berlaku di dalam tubuh manusia sewaktu mengkaji tingkah laku seseorang. Ahli sains yang berfikiran sempit pasti tidak akan menyentuh aspek kerohanian. Bagi mereka, tindakan mengaitkan perihal kerohanian di dalam kajian mereka adalah satu ralat yang besar. Ahli sains sedemikian menentang dengan keras kemungkinan wujudnya Tuhan dan hubungan-Nya dengan manusia.<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, para pakar psikologi profesional, terutama sekali mereka yang aktif di dalam kaji selidik, mengakui adanya batasan di dalam penemuan mereka. Mereka akan teragak-agak untuk membuat spekulasi ke atas bidang dan fenomena yang rumit seperti agama. Oleh kerana psikologi bergantung kepada data dan bahan bukti bagi hipotesis mereka, ia tidak mampu mengendalikan bidang yang kurang dengan bukti konkrit serta kerap mengalami perubahan. *Roh Allah bertiup ke mana saja Dia mahu* (Yohanes 3:5-8).

John White menjelaskan, sekiranya anda ingin memperbaiki sebuah jam tangan, anda harus mengetahui mekanisma jam tangan dan konsep waktu. Jika hanya mengetahui sebahagian saja tidak akan membantu. Demikian juga dengan pandangan seorang Kristian

terhadap manusia. Dia hidup untuk memenuhi kehendak Allah dalam hubungan Tuhan dan manusia, dan pengertiannya tentang tingkah laku manusia melalui kajian saintifik atau psikologi ialah untuk membantu dia mencapai tujuan tersebut. Kita perlu kedua-dua pandangan dalam proses pengudusan kita.

Oleh yang demikian, tidak ada “ahli psikologi Kristian” di dunia ini. Apa yang ada hanyalah orang Kristian yang bekerja sebagai ahli psikologi (“Kristian” merujuk kepada seluruh hidupnya, manakala “ahli psikologi” merujuk kepada pekerjaan). Sebagai orang Kristian, kita harus mengaku bahawa konflik sering tercetus di antara kedua-dua bidang ini (keagamaan dan psikologi). Antara penyebabnya adalah, pertama, kita gagal melihat batasan ilmu pengetahuan psikologi; kedua, kita menyalah tafsir Alkitab untuk menutup ruang bagi psikologi.

Ada segelintir ahli sains yang dengan rendah diri mengakui batasan bidang mereka. Sebagai contoh, B.F. Skinner berkata: *“Saya tidak berhak untuk mewartakan kesan agama ke atas budaya kita.”*<sup>8</sup> Apabila ditanya bagaimana ilmu pengetahuan beliau di dalam psikologi membantu untuk memahami sebab manusia memilih untuk mempercayai keagamaan, dia menjawab: *“Saya tidak layak untuk memberikan sebarang komen mengenai agama sama seperti saya tidak mampu memberikan salasilah penuh mengenai apa sahaja perkara.”*

Tidak semua ahli psikologi menentang agama. Ramai yang sedar akan kejahilan diri terhadap perkara di luar bidang mereka. Adalah menjadi harapan agar kita menyedari

bahawa kita memerlukan mereka (tidak semestinya pelajar sekolah alkitab) yang mahir di dalam kedua-dua bidang psikologi dan teologi. Adalah menjadi harapan kita agar mereka mampu menggabungkan psikologi dan teologi dengan usaha yang lebih telus. Masing-masing mempunyai batasan-batasan tersendiri kerana kita belum melihat Kristus di dalam segala kemuliaan-Nya (1 Korintus 13:12).

Kini terdapat ramai pastor yang menukar tugas mereka daripada mengajar Firman Tuhan kepada kaunseling pastoral dan aktiviti sosial. Oleh kerana mereka mendapati tugas untuk menjaga domba Tuhan di gereja kurang memberansangkan, mereka berharap dapat membantu dengan menggunakan idea-idea psikologi. Walaupun ia sangat menarik pada mulanya, ia tidak menjanjikan perubahan dalam jangka masa yang panjang. Dengan mempelajari kesilapan mereka, tindakan menolak psikologi bulat-bulat mahupun menerimanya tanpa soal dapat kita elakkan. (Ramai ahli perubatan Kristian menjadi kering dari segi kerohanian, menjadikan gaya hidup dan kerjaya mereka yang bercorakkan intelek kemanusiaan.)

Kita bersyukur kerana gerakan pembaharuan Karismatik yang menekankan keajaiban dan keagungan kuasa Tuhan untuk menyembuh dan menyelamatkan hidup manusia. Gerakan tersebut telah membantutkan anggapan-anggapan salah mengenai psikologi. Walau bagaimanapun, masalah lain dari Barat terus menyelip masuk kerana kita terlalu memandang tinggi kepada mereka!<sup>9</sup>

Malcom Jeeves, di dalam bab ke 8 bukunya *Psychology*

*and Christianity: the View Both Ways*, memberikan tiga ilustrasi bagi menggambarkan perbezaan di antara iman kepada Allah Pencipta dan psikologi.

Prinsip-prinsip Alkitab diterbitkan daripada apa yang telah Allah pilih untuk kemukakan kepada dunia. Ini termasuklah penemuan saintifik dan juga Firman Tuhan, suara kecil sanubari manusia, ilmu pengetahuan dan juga tanda-tanda keajaiban.

Sains psikologi (kajian minda dan emosi) melihat manusia daripada sudut pandangan yang sempit dan bersifat keduniaan. Manakala Allah melihat semuanya dengan jelas. Sains hanyalah sebahagian daripada pewahyuan umum yang Allah telah berikan kepada kita. Sekiranya ia digunakan dengan betul, ia boleh dijadikan alat bantuan daripada Allah bagi kita mengenali diri dengan lebih baik. Saya ulangi di sini bahawa tindakan menolak psikologi dengan anggapan bahawa ia bercanggah dengan Alkitab ataupun menerima segalanya mengenai Psikologi sebagai suara mutlak adalah satu kekebalan.

### 1 Pandangan Mengenai Manusia

Andaian asas:

**1** *Psikologi kemanusiaan/sekular* mengandaikan bahawa sama ada Tuhan:

tidak wujud  
(ateisme)

ataupun

tidak boleh diketahui  
(agnostisisme)

Ini bermaksud manusia adalah hasil daripada rangkaian evolusi. Sains dan logik manusia adalah pontensi bagi pengetahuan sempurna (*omniscience*). Apabila tiba masa-nya, manusia memperbaiki diri sendiri sekiranya usaha keras dilakukan (teori seleksi alam).



**Pemikiran Keagamaan** mempercayai wujudnya satu Tuhan yang maha tahu (*omniscient*) dan maha kuasa (*omnipotent*) manakala kebijaksanaan dan sains manusia dipenuhi dengan batasan.

Ini bermaksud Allah mencipta manusia berdasarkan imej-Nya. Teori evolusi mungkin benar bagi tubuh fizikal namun tidak untuk roh dan personaliti manusia. Manusia mempunyai asal-usul yang agung (iaitu dari Allah) dan pandangan keagamaan percaya bahawa semua kuasa datang daripada Tuhan; yakni keselamatan dan kebaikan datang daripada Tuhan dan bukan manusia. Namun, kuasa ini mungkin akan dicemarkan oleh kejahatan.

Contohnya, penglihatan, mimpi dan mukjizat mungkin kelihatan sama tetapi mempunyai kesan-kesan yang berlainan jika dicemari oleh kejahatan. Ini boleh disamakan dengan air hujan murni yang menjadi asidik apabila ia melalu atmosfera sulfur dioksida dalam jerebu, sebelum ia jatuh ke bumi. Kita tidak akan tahu sifat-sifat air yang sudah tercemar itu sehinggalah simptom-simptom mula timbul di badan kita.

### Kuasa Rohani

Jika dicemari oleh kejahatan, kesannya adalah mengikat secara perlahan-lahan yang diakhiri dengan kematian dan kehancuran.

Jika kekal suci, kesannya adalah menyelamatkan, menghidupkan, membebaskan dan memulihkan (seperti yang dijanjikan oleh Yesus di dalam Yohanes 8:36).

Di dalam kaunseling pastoral, melalui pengalaman kita percaya dan mengetahui hanya Roh Kudus yang mampu membawa perubahan yang kudus dan kekal lama di dalam hidup. Manusia hanya boleh bekerjasama dengan Tuhan di dalam proses perubahan dalaman.

## 2 Rasa Bersalah

Bagi ahli psikologi sekular, rasa bersalah adalah satu peristiwa, keadaan neutral, dan sebuah perasaan. Penyebab baginya bergantung kepada norma-norma sosial. Namun, bagi ahli agama yang setia kepada Alkitab, rasa bersalah adalah satu keadaan moral. Ia bermaksud, “saya bertanggungjawab sekiranya saya melukai anda.” Tuhan telah memalarkan satu set piawai bagi kita.<sup>10</sup>

Oleh yang demikian,



*Peranan seorang ahli psikologi sekular adalah: Untuk menolong seorang pelaku dosa/orang kudus*

neurotik (anak Tuhan) untuk menjadi lebih “sihat secara emosi.” Tugasnya adalah untuk membantu membebaskan para klien daripada simptom-simptom perubatan dan sosial serta pengalaman pahit (fobia, panik, histeria – simptom-simptom neurotik yang biasanya disebabkan oleh perasaan bersalah yang tertekan di dalam. Misalnya seorang wanita yang mempunyai tabiat/ritual mencuci tangan mungkin berbuat demikian untuk membersihkan perasaan bersalah akibat dirogol oleh teman lelakinya). Mereka tidak terlibat di dalam mengendalikan isu-isu moral yang mengawal hubungan kita sesama manusia. Walau bagaimanapun, klien yang lebih sihat mungkin mempunyai kesedaran moral yang lebih baik kerana tenaga emosi mereka adalah lebih mencukupi untuk mempertimbangkan keperluan orang lain.



*Peranan seorang kaunselor pastoral adalah:*

Untuk membantu pelaku dosa/orang kudus neurotik menjadi insan yang memiliki emosi lebih baik serta moral yang lebih bersih.

Nota:

Saya menggunakan istilah “pelaku dosa” untuk merujuk kepada mereka yang masih belum percaya dan menerima pengampunan dosa melalui kematian Yesus.

Saya menggunakan istilah “orang kudus” untuk merujuk kepada mereka yang sudah mempercayai dan menerima pengampunan dosa melalui kematian Yesus. Namun demikian, mereka akan tetap melakukan dosa di dalam dunia yang tidak sempurna

ini. Perdamaian dengan Allah hanya dapat dilaksanakan dengan bergantung kepada pengampunan dari Yesus, bukan melalui usaha diri sendiri.

Dengan itu, kini kita mendapati bahawa,

- a) Seorang pelaku dosa yang sihat secara emosi memiliki perasaan bersalah yang benar
- b) Seorang pelaku dosa neurotik mempunyai rasa bersalah yang benar dan juga palsu
- c) Orang yang kudus tidak mempunyai isu di dalam perasaan bersalah yang benar dan juga palsu
- d) Orang kudus neurotik mempunyai isu perasaan bersalah yang palsu.

Ahli psikologi sekular dilatih untuk menangani perasaan bersalah dengan menukar persepsi klien mereka mengenai perasaan tersebut. Mereka diajar untuk melupakan pengertian dan kebiasaan lama sambil mempelajari corak fikiran yang baru. Perkara ini tidak semestinya salah kerana kita tahu yang fikiran kita harus diperbaharui bagi menukar tabiat dan kelakuan lama. Apa yang dimaksudkan di sini adalah seorang ahli psikologi sekular tidak akan memberitahu kita mana yang baik dan mana yang buruk. Peranan mereka hanyalah untuk menghapuskan ketidak-selesaan yang disebabkan oleh perasaan bersalah. Mereka lebih efektif di dalam berbuat demikian daripada pastor-pastor yang jahil. Orang Kristian lebih cenderung memberikan rasa bersalah kepada satu sama yang lain (Wahyu 12:10 menjelaskan mengapa ini berlaku).



Seorang kaunselor pastoral Kristian (yang terlatih di dalam psikologi alkitabiah dan juga teologi) mampu menangani masalah rasa bersalah dengan membawa klien mereka kepada pertaubatan di hadapan Tuhan yang maha kudus. Mereka juga akan diajar untuk memperbaharui fikiran mereka dengan mengenakan keperibadian Yesus dan meninggalkan tabiat lama. Begitu indah kasih kurnia Tuhan yang menyembuhkan!

### **3** Pengalaman Keselamatan

Pengalaman keselamatan seorang Kristian ialah satu peristiwa yang tersendiri malah unik bagi setiap orang. Ini kerana kuasa Roh Kudus bertindak tanpa mengira di mana, bila dan bagaimana mengikuti keinginan-Nya sendiri. Walau bagaimanapun, ia boleh dilihat dari pelbagai sudut:

- a) Bagi mereka yang baru sahaja dilahirkan semula di dalam iman, perasaan tersebut sering digambarkan sedemikian:

*“Saya merasa diri saya menjadi hangat; kemudian realiti Tuhan semakin jelas di dalam hidup saya, begitu juga dunia di sekeliling saya. Saya tak mampu berhenti menangis meminta Tuhan mengampunkan dosa-dosa saya kepada-Nya.”*

- b) Ia juga berkemungkinan dinilai secara tidak peribadi. Seorang ahli psikologi mungkin akan menjelaskan peristiwa pengalaman keselamatan tersebut seperti berikut: *“kadar denyutan jantung dan pernafasan meningkat secara tiba-tiba, kemudian diikuti dengan kenaikan tekanan darah yang mendadak.”*

- c) Manakala seorang ahli biokimia pula mungkin akan mengukur kadar kenaikan adrenalin mereka.

Semua penjelasan di atas merujuk kepada satu peristiwa yang sama walaupun pandangan mereka berbeza. Masing-masing hanya sekadar menjelaskan fenomena yang sama daripada sudut pandangan yang berbeza; pandangan yang mengaitkan Tuhan dan manusia dan juga pandangan mendatar; perincian dan fungsi semua perkara menurut masa, ruang dan juga sejarah.

## Tali Kehidupan Yang Ketat

**A**dalah sangat penting bagi kita untuk membaca dan meningkatkan pemahaman di dalam usaha untuk mengintegrasikan iman dan psikologi yang alkitabiah.

**I**Di dalam kaunseling pastoral, kita sering berhadapan dengan perhubungan yang agak dekat. Oleh itu, kita harus sentiasa berdiam di bawah naungan Allah Yang Maha Esa. Kita harus memiliki jaminan sebagai anak Tuhan yang berharga. Identiti kita terletak di dalam Dia dan bukannya di dalam tugasan kita.

Ini juga akan membantu kita daripada berpaut kepada mereka yang memercayai kita untuk berjalan bersama mereka secara singkat. Simpton posesif (ingin memiliki seseorang dengan berlebihan. Lihat buku Siri Bimbingan Remaja: Memahami Masalah Ketagihan) senang menyerang sekiranya kita tidak berjaga-jaga.

Ini kerana mereka yang datang meminta bantuan selalunya berasa tidak selamat dan mungkin akan bergantung kepada kita dalam jangka masa yang panjang. Jika kita benar-benar inginkan yang terbaik bagi mereka, kita harus melepaskan mereka kepada penjagaan kekal Sang Gembala yang baik. Sekiranya kita berkata mereka memerlukan kita untuk masa yang panjang, ini mungkin bermaksud kita adalah pihak yang lebih memerlukan pertolongan. Perkara ini adalah sesuatu yang tidak sihat dan tidak beretika kerana kemungkinan besar kita sedang mengambil kesempatan ke atas kelemahan mereka bagi memenuhi keinginan diri sendiri.

Kebanyakan kaunselor pastoral menjadi terlalu terikat kepada orang yang datang meminta kaunseling dari mereka tanpa mengetahuinya. Kita harus menyelidiki diri sendiri apabila Tuhan menyedarkan kita sama ada secara langsung mahupun melalui orang lain. Ia tidak seharusnya diambil ringan. Ini adalah demi kebaikan para mereka yang meminta kaunseling, diri sendiri dan kemuliaan Tuhan. Jika perlu, kita harus dengan penuh rendah diri meminta pertolongan orang lain sebelum kita terjerumus jauh lebih dalam.

- 2 Kita juga harus mengalami kebaikan Tuhan di dalam memenuhi keperluan kita secara berterusan. Dia meminta ketelusan penuh daripada kita kerana Dia mengetahui segalanya. Apabila kita membenarkan diri kita diubah oleh-Nya, kita akan menjadi lebih bebas di dalam Kristus untuk dipakai Tuhan sebagai saluran berkat bagi orang lain.

3 Kita harus meluangkan masa untuk mendengar suara Tuhan sebanyak yang mungkin. Sekiranya ia benar bahawa Tuhan bersuka di dalam manusia, sudah pastinya Dia akan menunggu kita (Amsal 8:27-31).

Tozer mengingatkan kita:

*“Roh Kudus membawa sebuah hadiah misteri kepada kita, Dia mempersembahkan Tuhan kepada roh manusia. Roh Kudus ialah Guru kita, sekiranya Dia tidak mendidik, kita tidak akan tahu. Dia ialah Penerang bagi kita, sekiranya Dia tidak memberikan cahaya, kita tidak akan mampu melihat. Dia ialah penyembuh bagi telinga kita yang pekak, sekiranya Dia tidak menyentuh telinga kita, tak akan pernah kita mendengar! Roh Kudus mengamanahkan kita kebahagiaan tanpa bandingan. Dia tidak meminta sebarang bayaran, cuma ketaatan untuk mendengar dan mematuhi!”<sup>11</sup>*

Yesus berkata: Domba-Ku mendengarkan suara-Ku dan Aku mengenal mereka... mereka mengikuti Aku... bukannya orang asing...”  
(Yohanes 10:1-18)

Oleh itu marilah kita meminta kasih, kebijaksanaan dan kearifan daripada Tuhan untuk melaksanakan tugas kita sebagai kaunselor pastoral. Marilah kita kenakan segala perlengkapan Allah iaitu Tuhan Yesus Kristus sendiri. Dialah keselamatan, kebenaran, keamanan, dan Firman Allah bagi kita. Bahkan iman yang kita miliki adalah iman Anak Allah.

- 4** Bacalah secara meluas namun dengan penuh berwaspada. Yakinilah akan kuasa kasih pemulihan Tuhan Yesus Kristus ketika anda melayani mereka yang sedang memerlukan pertolongan!

*Renungkan sejenak apa yang telah anda baca. Sekiranya anda perlu membaca kembali bahagian-bahagian tertentu, silalah berbuat demikian. Dengarlah sentiasa dari Kaunselor Agung kita.*



## Refleksi

1. Bagaimanakah perasaan anda tentang keinginan anda untuk menjadi seorang kaunselor pastoral bagi Kristus (yakin/gentar; bersedia untuk belajar memberikan bantuan/tersentak dengan gawatnya masalah dan keperluan manusia)?
2. Bagaimanakah hubungan anda dengan Kaunselor Agung sekarang dan apakah rancangan anda selepas ini?

### Rujukan

- 1 John White, *The Shattered Mirror* (IVP, 1987)
- 2 A.W.Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) January 24
- 3 John White, *The Shattered Mirror* (IVP, 1987) hal. 125
- 4 John White, *The Shattered Mirror; Malcolm A. Jeeves, Psychology & Christianity: The Views Both Ways* (IVP, 1976)
- 5 *Webster's New Dictionary, Third College Edition*, (Simon & Schuster Inc. 1988) "Science"
- 6 John White, *The Shattered Mirror* (IVP, 1987) hal.59
- 7 Francis S. Collins, *The Language of God: A Scientist Presents Evidence for Belief* (Free Press, A Division of Simon & Schuster Inc. 2006)
- 8 Malcolm A. Jeeves, *Psychology & Christianity: The Views Both Ways* (IVP, 1976)
- 9 Hwa Yung, *Bananas or Mango* (Bantam 1977). Penulis cuba membujuk orang Kristian Asia untuk melihat Tuhan dari kaca mata Asia. Ini bersesuaian dengan pandangan bahawa Sang Pencipta berbicara dengan kita dalam konteks yang kita boleh memahaminya, sama ada melalui temperemen yang Dia telah kurniakan kepada kita atau melalui didikan sosio-budaya dalam bentuk bahasa dan adat resam.

- <sup>10</sup> John White, *Changing on the Inside – The Keys to Spiritual Recovery and Lasting Change* (Eagle, 1991)
- <sup>11</sup> A.W.Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) Feb 3

“Didiklah orang muda  
menurut jalan yang patut baginya,  
maka pada masa tuanya pun  
dia tidak akan menyimpang  
daripada jalan itu”.  
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.